

HARI : RABU
TARIKH : 22/1/2020
M/SURAT : 2

Penangguhan Program Subsidi Petrol

KPDNHEP serah kepada Kabinet buat keputusan

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menyerahkan keputusan untuk melaksanakan Program Subsidi Petrol kepada Kabinet.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata Kabinet akan membuat keputusan berdasarkan hasil perbincangan mengenai pelan komunikasi di antara kementerian-nya dan Kementerian Kewangan.

"Kami sudah mengadakan mesyuarat pada minggu pertama Ja-

nuari dan kami akan sama-sama menyediakan laporan kepada Kabinet, Kabinet akan membuat keputusan.

"Status terkini ialah ditangguhkan, bukan menghentikannya. Kami telah diberi tanggungjawab untuk membuat pelarasan kecil (ke atas Program Subsidi Petrol)," katanya kepada pemberita di luar Forum Prospek Ekonomi dan Strategik Malaysia 2020 di sini, semalam.

Program Subsidi Petrol yang dijadualkan dilaksanakan pada Januari 2020, ditangguhkan kepada

tarikh baharu yang akan diumumkan kemudian.

Program itu untuk membantu 2.9 juta penerima dalam kumpulan B40 yang layak mendapat Bantuan Sara Hidup (BSH).

Dalam pembentangan Belanjawan 2020 pada 11 Oktober tahun lalu, Menteri Kewangan, Lim Guan Eng mengumumkan Program Subsidi Petrol akan diperluaskan membabitkan kira-kira lima juta golongan berpendapatan sederhana dengan pendapatan isi rumah bulanan kurang daripada RM4,000.